

13 NOV 2003

Dewan-Perak (Arak)

DAP MINTA LARANGAN MINUM ARAK DI TEMPAT TERBUKA DI IPOH DITARIK BALIK

IPOH, 13 Nov (Bernama) -- Percubaan DAP untuk membangkitkan larangan minum arak di tempat terbuka di Ipoh semasa persidangan dewan undangan negeri di sini menimbulkan persoalan seorang penyokong kerajaan yang ingin tahu sama ada hasrat parti itu turut disokong oleh PAS dan Keadilan.

Ketika Nga Kor Ming (DAP-Pantai Remis) sedang membahaskan Bajet Negeri 2004, Datuk Saharudin Abd Jabar (BN-Trong) bangun dan meminta penjelasan daripada ketua pembangkang itu sama ada kedua-dua parti berkenaan turut menyokong desakan DAP.

Nga berkata Saharudin sepatutnya mengikuti perbahasan beliau dari awal di mana beliau telah menyatakan bahawa partinya tidak menyokong amalan meminum arak tetapi mahu orang bukan Islam dan pelancong dibenarkan berbuat demikian.

Katanya keadaan Ipoh, terutamanya pada waktu malam tidak mencerminkan status sebagai sebuah bandaraya kerana tiada aktiviti yang menarik manakala larangan minum di tempat terbuka, seperti di Greentown Walk akan memberi imej negatif.

Nga, yang juga Ketua Pemuda DAP Pusat berkata larangan itu dan saman ke atas pasangan yang berpegang tangan di taman dan perpustakaan tidak lama dulu telah menjejaskan imej Ipoh dan menunjukkan pentadbiran ala-Taliban.

Bagaimanapun, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali mencelah dan ingin tahu sama ada pelancaran Dokumen Negara Islam oleh PAS semalam akan menjejaskan kedatangan pelancong ke Malaysia.

Nga berkata itu adalah di luar bidang kuasa beliau tetapi partinya tetap tidak bersetuju dengan Dasar Negara Islam kerana Malaysia adalah sebuah negara majmuk.

Semasa perbahasan itu juga, Nga mencadangkan Perak memohon status pulau bebas cukai untuk memajukan industri pelancongan di Pulau Pangkor, sebagaimana di Langkawi dan Tioman.

Tajol Rosli kemudiannya memberitahu Nga beliau pernah membangkitkan perkara itu kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang meminta beliau (Tajol) menyatakan apakah keuntungan yang boleh didapati daripada status itu.

"Jadi saya minta Yang Berhormat nyatakan apakah untungnya dapat status pulau bebas ini agar saya boleh minta lagi dengan Kerajaan Pusat," kata Tajol.

Nga berkata kalau tidak ada faedah, sudah tentu Langkawi dan Tioman tidak berebut-rebut hendaklah status itu dan meminta Tajol Rosli mendapatkan jawapannya daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen).

-- BERNAMA

AR ROS